



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"CEGAH KEBAKARAN, ELAK KESENGSSARAAN"

28 Mei 2021 / 16 Syawal 1442

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ^١ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِي اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلُ اللَّهُ هَادِيٌّ لَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ^٢ وَعَلَى آلِهِ وَآصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ يَا حُسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ^٣ أَوْصِنُكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

وَمَا أَصَابَكُمْ مِنْ مُصِيبَةٍ فِيمَا كَسَبْتُ أَيْدِيْكُمْ وَيَعْفُوْا عَنْ كَثِيرٍ (٣٠) وَمَا أَنْثُمْ

بِمُعْجِزِينَ فِي الْأَرْضِ وَمَا لَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ (٣١)^٤

(Surah Ash-Shura ayat 30-31)⁴

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Sama-sama kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah Nya dan menjauhi segala larangan Nya. Berpegang teguhlah kita kepada agama Allah dengan menjaga dan memelihara hubungan kita sebagai hamba Nya dan hubungan sesama insan. Mudah-mudahan kita mendapat keberkatan dan keredaan Ilahi di dunia dan di akhirat.

Islam menganjurkan manusia menjaga keselamatan dan mengelak daripada bencana, menurut yang terkandung dalam maqasid al-Syariah, ia itu tanggungjawab memelihara nyawa, harta, dan keturunan. Bersempena Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: "**Cegah Kebakaran, Elak Kesengsaraan**".

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

⁴ Ayat Al-Quran



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Ungkapan ‘api semasa kecil menjadi kawan, apabila besar menjadi lawan’ memberi makna bahawa api bukan sahaja memberi manfaat kepada manusia, tetapi api juga boleh mencetuskan bencana sekiranya tidak terkawal. Hakikat ini disahkan, berlandaskan rekod Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Pada tahun 2020, Jabatan Bomba dan Penyelamat merekodkan hampir 125 ribu panggilan kecemasan, melibatkan hampir 35 ribu panggilan kebakaran dan lebih 71 ribu panggilan menyelamat, meningkat enam peratus berbanding angka panggilan kecemasan tahun 2019. Kebakaran telah mengakibatkan kerugian harta benda bernilai berbilion ringgit, di samping kecederaan dan kematian. Pada tahun 2019, berlaku 121 kes kematian dan pada tahun 2020, berlaku 118 kes kematian akibat kebakaran.

Allah SWT berfirman menerusi surah Ash-Shura, ayat 30-31:

وَمَا أَصَابَكُمْ مِنْ مُصِيبَةٍ فِيمَا كَسَبْتُ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا عَنْ كَثِيرٍ (٣٠) وَمَا أَنْثَمْ
 بِمُعْجِزِينَ فِي الْأَرْضِ وَمَا لَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ (٣١)

Maksudnya: Dan apa juu yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (daripada perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa), dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar daripada dosa-dosa kamu. Dan kamu tidak akan dapat melemahkan kuasa Allah (daripada menimpa kamu dengan bala bencana, walaupun kamu melarikan diri di mana sahaja) di muka bumi (atau di langit); dan kamu juga tidak akan beroleh sesiapa pun yang lain dari Allah sebagai Pelindung atau Pemberi pertolongan.

Al-Quran memperingatkan bahawa setiap bahaya yang datang mengancam, bertujuan memberi kesedaran kepada manusia. Sewajibnya manusia yang ditimpa bahaya, merenungkan kesalahannya dan memeriksa diri sendiri, meneliti dosa dan kealpaan yang mungkin menjadi punca mencetuskan sesuatu bencana. Selanjutnya manusia disarankan untuk bertaubat kepada Allah SWT serta mengatasi setiap kesulitan dengan penuh ketelitian, keberanian dan kesabaran.



Segala yang berlaku merupakan ketentuan dan takdir Ilahi. Namun begitu, setiap yang berlaku itu, ada sebab-musabab yang menjadi puncanya. Allah SWT telah memberikan pilihan kepada manusia agar berikhtiar untuk mendapatkan sesuatu kebaikan atau mengelak sesuatu keburukan. Jika berlaku sesuatu bencana kebakaran, sudah pasti ada sebab-musabab yang menjadi puncanya. Sebagai khalifah Allah yang bertanggungjawab memelihara keselamatan dan kesejahteraan di muka bumi ini, kita wajib berusaha mengelakkan punca-punca bencana supaya tidak mendatangkan malapetaka kepada kita. Janganlah mengamalkan sikap hanya berserah kepada Allah tanpa kita melakukan sebarang usaha menghindarkan berlakunya sesuatu bencana. Anas bin Malik RA telah meriwayatkan sebuah hadis:

قَالَ رَجُلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَعْقِلُهَا وَأَتُوَكُّلُّ أَوْ أَطْلُقُهَا وَأَتُوَكُّلُّ قَالَ اعْقِلْهَا وَتَوَكُّلْ

Maksudnya: Seorang lelaki bertanya: "Wahai Rasulullah, adakah aku (perlu) menambat (unta) dan bertawakkal, atau aku biarkan (unta tersebut) dan bertawakkal?" Baginda menjawab: "Tambatlah ia dan bertawakkallah." (Riwayat At-Tarmizi 2517)

Sidang Jumaat Yang Dikasihi Allah,

Sifat cuai merupakan punca utama yang menyebabkan berlakunya kebakaran; antara sifat cuai yang berlaku ialah penggunaan sumber haba seperti mancis, lilin, api dapur dan api rokok, permainan bunga api dan mercun; menggunakan peralatan elektrik, terutama menggunakan peralatan elektrik yang usang dan rosak, pendawaian dan penyambungan pendawaian elektrik dilakukan sendiri yang tidak mengikut piawaian, serta ketirisan gas memasak. Kita wajib mengambil pengajaran daripada bencana yang telah terjadi supaya tidak berulang lagi.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Sempena sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia, mimbar menyeru para jemaah dan seluruh rakyat kepada perkara-perkara berikut:

Pertama: Memastikan pemasangan peralatan dan pendawaian elektrik tidak dilakukan secara bersendirian tanpa mendapat khidmat pakar dalam bidang berkaitan.

Kedua: Pemasangan jeruji atau gril di tingkap dan pintu, tidak menjadi perangkap maut apabila berlaku kebakaran.



Ketiga: Dinasihatkan pemasangan alat pengesan asap dalam bangunan pejabat, asrama dan kediaman.

Keempat: Disediakan alat pemadam api dalam bangunan, terutama dalam kawasan memasak.

Kelima: Anggota masyarakat perlu membantu mengawasi pili bomba supaya terpelihara baik, tidak ditimbulus tumbuhan, tidak dirosakkan kerana perbuatan vandalisme atau laku musnah, tidak dihalang dengan kenderaan terutama pada malam hari, agar pili bomba dapat berfungsi bila diperlukan.

Keenam: Jawatankuasa masjid dan surau, begitu juga pengendali pusat tahlif, mengadakan program berkala, menjemput wakil Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk menyampaikan ceramah dan latihan mengenai pencegahan kebakaran kepada ahli-ahli kariah.

Ketujuh: Tidak membuat panggilan palsu yang akan menambahkan beban tugas Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Sidang Jumaat Yang Dikasihi Allah,

Tugas serta usaha membantu dan menyelamatkan mangsa yang mengalami musibah seperti kebakaran, kemalangan, lemas, banjir dan sebagainya ialah tugas dan usaha terpuji. Rakyat wajib menghargai dan berterima kasih kepada anggota pasukan-pasukan penyelamat. Semoga jasa bakti dan khidmat murni para anggota penyelamat, terutamanya anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat melaksanakan fardu kifayah diterima sebagai amal makruf yang dikurniakan Ilahi dengan ganjaran keberkatan semasa di dunia, dilimpahi rahmat keselesaan ketika di alam barzakh dan diberatkan timbangan amal ketika di Padang Mahsyar.

Kepada Allah SWT dipohonkan dikurniakan sebesar-besarnya ganjaran kepada anggota-anggota bomba yang telah terkorban semasa menjalankan tugas, semoga ditinggikan makam mereka setaraf dengan ganjaran yang dikurniakan kepada orang-orang yang gugur syahid dalam medan perjuangan.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ
 وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
 لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ، مِلْءَ السَّمَاوَاتِ وَمِلْءَ الْأَرْضِ، وَمِلْءَ مَا بَيْنَهُما وَمِلْءَ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita istiqamah berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama makhluk. Imarahkanlah rumah Allah SWT dengan terus-menerus mengerjakan ibadah dan solat fardu secara berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا الَّذِينَ ظَاهَرُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا ^

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ^، وَاصْلِحْ ذَاتَ بَيْنَهُمْ وَالْفَلْفَلَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَسْتَعِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَبِرْوَسَ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمَحَنَّ، وَالْفَتَنَّ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلِّدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةً.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran serta lindungilah mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Peliharalah kami daripada seksa dan azab api neraka.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبِّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَهُنَّى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ، يَعْظِمُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.